



Misteri Kampung Sungai Durian

RUHAIDAH RAHMAT

Hari sudah larut malam. Nabil masih belum dapat meletakkan matanya. Hatinya berdebar-debar menunggu hari esok. Semua kelengkapan untuk perkhemahan tiga hari dua malam di Pulau Ubin sudah pun disediakan dengan rapi. Tatkala Nabil sedang termenung di luar tingkap, tiba-tiba ibunya masuk ke dalam bilik lalu menyapanya.

“Belum tidur lagi, Nabil? Esok Nabil perlu bangun awal,” pesan ibunya.

Puan Natasha tahu yang Nabil berasa risau hendak berpisah dengan keluarganya kerana Nabil tidak pernah berjauhan daripada keluarganya. Perkhemahan yang dianjurkan oleh pihak sekolah untuk murid-murid darjah 5 ini merupakan perkhemahan yang pertama bagi diri Nabil.

“Nabil berasa risau Ibu. Nabil tidak pernah berjauhan dengan Ibu dan keluarga. Nabil berasa takut sendirian.”

Puan Natasha pun terus mendakap Nabil sambil memberikan nasihat kepada anaknya itu.

“Nabil, Ibu tahu Nabil berasa bimbang tapi kalau Nabil tidak mengikuti perkhemahan ini, Nabil tidak akan dapat belajar bagaimana hendak hidup berdikari. Ibu yakin Nabil pasti akan berasa seronok kerana banyak ilmu yang dapat Nabil timba apabila berkhemah di Pulau Ubin nanti. Hanya ingat satu pesan Ibu, tidak kira di mana juga Nabil berada, Nabil perlu jaga tatatertib dan adab sopan ketika berada di tempat orang,” nasihat Puan Natasha sambil mengusap-usap rambut anaknya itu.

“Baiklah Ibu. Nabil akan sentiasa ingat pesanan Ibu itu,” ujar Nabil sambil melelapkan matanya.



Keesokan harinya, Puan Natasha dan Tuan Nazri menghantar Nabil ke jeti Changi. Ramai murid-murid telah berkumpul di jeti itu termasuklah rakan-rakan Nabil, Kamarul, Rajesh dan Andri. Masing-masing kelihatan ghairah dan berasa seronok untuk ke Pulau Ubin. Cikgu Amran selaku ketua rombongan telah pun berada di jeti tersebut seawal jam lapan pagi. Setelah semua murid-murid berkumpul di jeti, mereka pun menaiki bot laju ke Pulau Ubin.

Pengalaman menaiki bot laju untuk ke Pulau Ubin membuat Nabil berasa seronok sehinggakan rasa kebimbangannya semalam hilang begitu sahaja. Setibanya di Pulau Ubin, Cikgu Amran telah membawa murid-murid ke tempat perkhemahan mereka iaitu di Outward Bound Singapore. Cikgu Amran telah membahagikan murid-murid kepada kumpulan masing-masing. Setiap kumpulan telah diberi taklimat dan arahan untuk menyiapkan **khemah** mereka sendiri. Pengalaman untuk menyiapkan khemah ini merupakan pengalaman yang amat disukai oleh Nabil. Nabil dapat mempelajari selok-belok untuk mendirikan khemah.



Setelah semua khemah siap didirikan, Cikgu Amran mengarahkan semua murid-murid supaya berkumpul di tepi pantai dekat dengan jeti masa mula-mula mereka tiba di Pulau Ubin untuk melakukan aktiviti **berkano**. Bagi aktiviti ini, Cikgu Amran telah menegaskan supaya semua murid mematuhi peraturan agar tiada kemalangan yang berlaku. Setiap murid harus memakai **jaket keselamatan** dengan betul. Cikgu Amran menerangkan kepada murid-murid cara-cara menggunakan **pendayung** dengan betul.

Semasa Nabil, Kamarul, Rajesh dan Andri sedang berkano di laut bersama murid-murid yang lain, malang tidak berbau. Tiba-tiba, ombak kuat telah memukul kano mereka sehinggakan kano mereka terbalik. Nasib baik Nabil dan rakan-rakannya pandai berenang. Mereka pun berenang ke tepian pantai. Oleh disebabkan pukulan ombak yang kuat itu, kano dan pendayung mereka telah hanyut dibawa arus. Mereka berempat tidak dapat menjejaki Cikgu Amran dan rakan-rakan sedarjah mereka yang lain.

Rajesh mula berasa cemas. Mukanya berubah menjadi pucat lesi seperti mayat. Seluruh tubuhnya mula menggeletar. Melihat keadaan Rajesh, Kamarul dan Andri dengan segera cuba menenangkan Rajesh supaya dia tidak berterusan berasa takut.






Mereka berempat merasa keletihan dan kesejukan tetapi mereka tidak berputus asa. Nabil selaku ketua kumpulan mereka, cuba meyakinkan rakan-rakannya bahawa mereka pasti dapat mencari jalan balik ke tempat perkhemahan mereka mengikut jalan darat.

Berbekalkan **kompas** yang terdapat di jam tangan Nabil, mereka berempat cuba mencari jalan keluar mengikut jalan yang berliku-liku di tengah-tengah hutan rimba.

“Nabil masih jauh lagi ke perjalanan kita ini? Saya sudah berasa lapar dan lutut saya pun sudah mula bergoyang,” rungut Andri keletihan dan kelaparan.

“Sabarlah Andri. Saya pasti Nabil sedang berusaha mencari jalan keluar menggunakan kompasnya itu,” ujar Kamarul dengan perasaan yang yakin.

Semasa dalam perjalanan, tiba-tiba Nabil ternampak sebuah papan tanda, yang tertulis Kampung Sungai Durian. Beberapa tapak daripada papan tanda itu, Nabil terlihat ada sebuah rumah **usang**.




“Ada cahaya lampu yang berkelip dari rumah itu. Pasti ada penghuni di dalamnya,” bisik hati Nabil. Tanpa membuang masa, Nabil pun mengajak rakan-rakannya ke rumah itu. Setibanya di depan pintu rumah itu, Nabil pun mengetuk lalu memberi salam kepada penghuni rumah itu. Pintu rumah itu pun terbuka dan alangkah terkejutnya mereka apabila melihat seorang nenek tua terpaku di depan pintu.

“Maaf Nek, kami mengganggu. Boleh tidak kami tumpang berteduh di rumah Nenek untuk malam ini sahaja. Sebenarnya, kami sedang mencari jalan balik ke tempat perkhemahan kami tetapi hari sudah semakin gelap. Kami pula tidak mempunyai **lampu suluh** untuk meneruskan perjalanan. Rakan-rakan saya juga sudah keletihan berjalan sepanjang hari,” jelas Nabil sayu.

Nek Besah pun membuka pintu lalu mengajak Nabil dan rakan-rakannya bermalam di rumahnya. “Cucu-cucu ini dari mana? Macam mana boleh tersesat sampai ke sini?” tanya Nek Besah.

“Kami berempat sedang mengikuti program perkhemahan di Pulau Ubin. Semasa kami sedang

berkano tiba-tiba kano kami dipukul



ombak yang kuat sehinggakan kano

kami terbalik dan

hanyut. Kami terpaksa berenang ke tepian pantai untuk menyelamatkan diri. Mujur kami berempat terselamat,” cerita Nabil kepada Nek Besah.

“Oh, begitu! Patutlah kamu berempat basah kuyup. Biar Nenek ambikan kain supaya kamu boleh menyalin dan mengeringkan baju-baju yang basah itu. Selepas itu kamu berempat boleh makan. Nenek pasti kamu berempat lapar,” ujar Nek Besah.


Melihat keadaan Nek Besah yang terketar-ketar itu mengingatkan Nabil kepada neneknya di rumah. Nabil mula berasa rindu kepada neneknya di rumah. Sementara rakan-rakannya sedang terbaring kepenatan di ruang tamu, Nabil mengambil kesempatan untuk membantu Nek Besah di dapur.

“Nek, izinkan Nabil membantu Nenek masak di dapur,” kata Nabil dengan sopan.

Nek Besah tersenyum sambil menganggukkan kepalanya.

“Kamu pernah makan nasi ulam?” tanya Nek Besah.

“Tidak pernah Nek. Tapi saya tidak cerewet, saya berani hendak mencuba makan nasi ulam ini. Nampaknya banyak daun-daun yang digunakan untuk buat nasi ulam ini,” balas Nabil.



“Kalau kamu berminat, Nenek boleh mengajar kamu bagaimana hendak membuatnya,” sambung Nek Besah sambil tersenyum.

Mendengar kata-kata Nek Besah, Nabil mula berasa teruja untuk belajar memasak nasi ulam. Sikap ingin tahu Nabil itu membuat Nek Besah berasa besar hati untuk mengajar Nabil memasaknya. Nabil kelihatan bersungguh-sungguh belajar daripada Nek Besah cara-cara memasak nasi ulam.

Malam itu Nabil dan rakan-rakannya telah **dijamu** oleh Nek Besah dengan nasi ulam dan lauk-pauk orang kampung. Setelah kekenyangan menikmati makanan yang dimasak oleh Nek Besah, mereka pun tertidur di ruang tamu.

Pada keesokan harinya apabila Nabil tersedar dari tidur, kepalanya terasa sakit berdenyut-denyut sambil memicit-micit kepalanya itu. Nabil mendapati kepala berbalut. Nabil terus kuatkan dirinya, bangun dan cuba mencari Nek Besah. Tapi bayang Nek Besah tidak kelihatan. Penglihatannya masih samar-samar.

Melihat Nabil terbangun, Andri yang semalaman bersama Nabil terus berlari untuk mendapatkan Cikgu Amran.

Cikgu Amran terus bergegas untuk melihat keadaan Nabil.

“Baguslah awak sudah sedar Nabil. Kami semua berasa risau dengan keadaan awak. Dari petang semalam awak tidak sedarkan diri sejak dipukul ombak kuat. Kepala awak terhantuk sebab itu kepala awak berbalut,” kata Cikgu Amran lega.

Nabil kelihatan **tercengang-cengang** apabila Cikgu Amran cuba menjelaskan kepadanya tentang apa yang telah berlaku.



“Bagaimana saya boleh berada di sini sedangkan malam semalam saya berada di rumah Nek Besah di Kampung Sungai Durian? Bukan saya seorang malah Rajesh, Kamarul dan Andri juga turut ada bersama saya pada masa itu. Kami sama-sama makan nasi ulam yang dimasak oleh Nek Besah,” ujar Nabil kebingungan.

Cikgu Amran juga berasa hairan apabila Nabil mula menyebut-yebut nama Nek Besah.

“Mungkin awak bermimpi Nabil. Sebenarnya selepas awak hilang di laut, Cikgu meminta tolong orang kampung untuk mencari awak. Mujur ada Pak Cik Samad ketua kampung di sini. Dia yang telah menjumpai awak **terdampar** di tepian pantai,” jelas Cikgu Amran.

Nabil mula berasa pelik. Nabil benar-benar berasa bahawa dia telah berjumpa dengan Nek Besah. Nek Besah yang telah membantunya dan memberi dia tempat berlindung pada malam semalam. Nabil tidak sangka bahawa peristiwa yang berlaku kepadanya semalam rupa-rupanya hanya satu igauan sahaja.

Tetapi sekiranya ia satu igauan mengapa Nabil masih boleh terasa nasi ulam yang dimakan olehnya malam semalam. Peristiwa yang berlaku kepada dirinya ini menjadi tanda tanya padanya. Walau bagaimana pun, Nabil berasa bersyukur kerana dia terselamat daripada dipukul ombak kuat yang boleh meragut nyawanya sendiri.



Glosari

khemah	tempat berteduh yang dibuat daripada kanvas
berkano	menaiki perahu yang panjang dan ringan
jaket keselamatan	sejenis jaket tidak berlengan yang boleh dikembungkan
pendayung	alat untuk mendayung
kompas	alat yang menentukan arah mata angin
usang	sudah buruk
lampu suluh	sejenis alat untuk menerangi kawasan
dijamu	memberi makanan
tercengang-cengang	kehairanan
terdampar	tercampak ke pantai setelah hanyut dibawa air



Trivia

Tahukah kamu?

Ulam boleh ditakrifkan sebagai bahagian tumbuh-tumbuhan yang terdiri dari pucuk, daun, batang dan bunga yang dimakan mentah, dicelur atau direbus sebelum makan. Ulam terkenal sebagai hidangan harian di kalangan masyarakat Melayu.



Aktiviti Bersama Keluarga

Bina pinggan sihat bersama keluarga kamu. Tampal atau lukis gambaran makanan yang diperlukan untuk keluarga kamu.

